

**Tukar Jalur Gemilang Bukan Pendirian Pembangkang - Anwar
mStar Online
September 19, 2011
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK**

PETALING JAYA: Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat tidak pernah menerima sebarang cadangan untuk menukar Jalur Gemilang sekiranya pembangkang menang dalam pilihan raya akan datang.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, cadangan berkenaan lebih bersifat peribadi dan bukannya pendirian rasmi pakatan pembangkang.

"Tidak pernah dikemukakan kepada Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat, itu pandangan peribadi," katanya yang dipetik menerusi laman *twitter* pada Isnin.

Selain itu Anwar yang juga Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) berkata beliau secara peribadi tidak bersetuju dengan cadangan berkenaan.

Media pada Jumaat melaporkan, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Alam Shah dari DAP, M Manoharan mencadangkan agar Jalur Gemilang ditukar sekiranya pembangkang menang dalam pilihan raya umum akan datang.

Menerusi laman Facebook peribadinya, Manoharan memaklumkan bahawa beliau telah mengedarkan bendera DAP di kawasanannya sewaktu sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia tetapi enggan mengibarkan bendera Malaysia kerana berpendapat, bendera negara ini kelihatan seperti Barisan Nasional.

Kenyataan beliau itu mengundang kecaman banyak pihak termasuk PAS.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/9/19/mstar_berita/20110919132011&sec=mstar_berita